

MANHAJ AHL AL-SUNNAH DALAM BERINTERAKSI DENGAN AYAT MUTASHĀBIHĀT MENURUT KITAB JAWI: SUATU PENILAIAN

Oleh:
Mohd Saiba b. Yaacob¹

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan beberapa fakta yang terkandung dalam kitab-kitab jawi berkaitan manhaj Ahl al-Sunnah dalam berinteraksi dengan ayat-ayat mutashābihāt. Ia bertolak daripada wujudnya tanggapan yang membataskan akidah Ahl al-Sunnah kepada aliran Tafwīd dan aliran Ta’wil sahaja. Tanggapan sedemikian perlu dinilai semula kerana terdapat dua aliran lagi yang diiktiraf oleh kitab jawi sebagai akidah Ahl al-Sunnah yang muktabar iaitu aliran Imam Abū al-Hasan al-Ash‘arī (-324 H) dan aliran pertengahan di antara Tafwīd dan Ta’wil (mazhab al-Mutawassītīn). Kajian ini menyimpulkan bahawa empat mazhab akidah Ahl al-Sunnah tersebut adalah bertunjangkan kepada prinsip al-Tanzīh iaitu mensucikan Allah S.W.T daripada menyerupai makhluk sama ada pada Zat mahupun pada Sifat dan Af’al yang sekali gus membezakannya daripada fahaman golongan mushabbihah dan mujassimah.

Kata Kunci: Mutashābihāt, Ahl al-Sunnah, Tafwīd al-Ma’nā (Ta’wil Ijmālī), Ta’wil Tafsīlī, Ithbāt Ma’a al-Tanzīh

PENDAHULUAN

Artikel ini akan membicarakan tentang tiga topik yang berkaitan dengan tajuk di atas iaitu berkenaan maksud ayat mutashābihāt, pengertian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah (Ahl al-Sunnah) dan berkenaan aliran para ulama Ahl al-Sunnah yang muktabar dalam berinteraksi dengan ayat mutashābihāt menurut penjelasan kitab jawi. Penilaian terhadap

¹ Mohd Saiba b. Yaacob (MA), Ketua Jabatan Al-Dakwah Wal-Qiadah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

ketepatan fakta-fakta yang bakal dikemukakan nanti akan dilakukan dengan merujuk kepada sebilangan karya para ulama mujtahidin dan sarjana Islam yang berautoriti.

PENGERTIAN AYAT *MUTASHĀBIHĀT*

Allah S.W.T menjelaskan bahawa ayat-ayat al-Quran adalah terbahagi kepada *muhkamāt* dan *mutashābihāt* sebagaimana firmanNya:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ إِعْلَمٌ حُكْمَاتٌ هُنَّ أَمْ
الْكِتَابِ وَأَخْرُ مُتَشَبِّهَاتٍ ...
(Āl Imrān 3:7)

“Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai nabi Muhammad S.A.W) kitab suci al-Quran; sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat “*muhkamāt*” (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat *muhkamāt* itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran; dan yang lain lagi ialah ayat-ayat “*mutashābihāt*” (yang samar-samar, tidak terang maksudnya; oleh sebab itu timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing)…”.²

Antara ayat al-Quran yang termasuk dalam kategori *mutashābihāt* menurut Imam Ibn al-‘Arabī (-543 H) ialah:³

كُلُّ آيَةٍ عَبَرَ اللَّهُ فِيهَا عَنْ تَعْسِيهِ بِفَعْلٍ يَسْتَحِيلُ ظَاهِرُهُ عَلَيْهِ وَأَلْفُورُهُ
الْمُتَشَابِهَاتُ فِي أَوَّلِ السُّورِ.

“Setiap ayat (al-Quran) yang Allah S.W.T menjelaskan tentang DiriNya dengan sesuatu perbuatan yang pengertian zahirnya adalah mustahil bagiNya dan huruf-huruf *mutashābihāt* di permulaan (beberapa surah”.

² Abdullah Basmeih (t.t), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dar al-Kitab Malaysia, h. 118.

³ Abū Bakr Muḥammad b. ‘Abd Allāh b. al-‘Arabī (1990), *Qānūn al-Ta'wīl*, tq. Muḥammad al-Sulaymānī, c. 2. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, h. 378.

Manhaj Ahl Al-Sunnah dalam Berinteraksi dengan Ayat Mutashābihāt Menurut Kitab Jawi: Suatu Penilaian

Sebagai contoh ialah firman Allah S.W.T⁴:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى
(Tāhā 20: 5)
“(iaitu) Tuhan yang Maha Pemurah di atas ‘arash Ia beristiwa’”.

Antaranya lagi ialah firman Allah S.W.T:

وَجْهَهُ رَبِّكَ وَالْمَلَكُ صَفَّا صَفَّا
(Al-Fajr 89: 22)
“Dan datanglah Tuhanmu sedang para malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah) . . .”.

Sebagaimana al-Quran, hadis-hadis Rasulullah S.A.W juga terbahagi kepada hadis-hadis *muhkamāt* dan hadis-hadis *mutashābihāt*. Antara hadis-hadis *mutashābihāt* ialah sabda Rasulullah S.A.W:

يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا ...
“Tuhan kita Yang Maha Agung lagi Maha Tinggi turun pada setiap malam ke langit dunia . . .”.⁵

Antaranya lagi ialah sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّ قُلُوبَ بَنِي آدَمَ كُلُّهَا بَيْنَ إِصْبَاعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الرَّحْمَنِ كَقَلْبٍ وَاحِدٍ يُصْرِفُهُ حَيْثُ يَشَاءُ
“Sesungguhnya jiwa-jiwa anak Adam (manusia) semuanya (berada) di antara dua jari daripada jari-jari Tuhan yang Maha Pemurah seumpama jiwa yang satu, Dia menguruskannya menurut kehendakNya”.⁶

PENGERTIAN AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA‘AH

Perbincangan berkenaan siapakah yang dimaksudkan dengan *Ahl al-Sunnah* pada asasnya bertujuan untuk membezakan *Ahl al-Sunnah*

⁴ *Ibid.*, h. 375.

⁵ Muslim b. al-Hajjāj al-Naysābūrī (2005), *Sahīh Muslim*, kitāb Ṣolāt al-Musāfirīn wa Qaṣrīhā, no. h. 1769. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.

⁶ *Ibid.*, kitāb al-Qadar, no. h. 6692.

daripada *Ahl al-Bid'ah* dalam kalangan *Shī'ah*, *Khawārij*, *Qadariyyah*, *Jabariyyah*, *Jahmiyyah*, *Mu'tazilah* dan lain-lain.

Sehubungan itu, kitab *Mawāqif al-Marjān* menjelaskan bahawa *Ahl al-Sunnah* ialah “semua orang yang ikut akan jalanan Nabi S.A.W dan jalanan segala sahabatnya r.h.”.⁷ Pengertian ini bertepatan dengan hadis berikut:⁸

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
(... وَإِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقُتْ عَلَىٰ تِنْتِينَ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَتَغْتَرِقُ أُمَّتِي
عَلَىٰ ثَلَاثَةِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً)، قَالَ: وَمَنْ
هُيَّ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: (مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي)

“Daripada ‘Abdullah bin ‘Amr (r.h.) katanya: Rasulullah S.A.W telah bersabda: “... Dan sesungguhnya Bani Israil telah berpecah kepada tujuh puluh dua millah (aliran pemikiran) dan umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga millah, semua mereka di dalam neraka kecuali satu millah sahaja”; beliau bertanya: Siapakah satu millah itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: “Golongan yang berada di atas jalananku dan (jalanan) para Sahabatku”.

Menurut kitab ‘Aqīdah al-Nājīn pula “Ahl al-Sunnah adalah terdiri dalam kalangan mazhab *Ahl al-Salaf* dan mazhab *Khalaf*”.⁹ Takrif ini bersifat lebih umum kerana selain daripada mazhab *Salaf*, ia turut memasukkan mazhab *Khalaf* sebagai *Ahl al-Sunnah* yang sebenar. Menurut kitab *Mawāqif al-Marjān*, walaupun majoriti ulama *Salaf* memilih mazhab *Tafwīd*, namun Ibn ‘Abbās r.h. (-68 H) dan sebilangan orang yang lain telah memberikan *ta’wīl tafsīlī* kepada ayat-ayat *mutashābihāt*.¹⁰

⁷ Ismā‘il b. ‘Umar b. ‘Abd al-Latīf al-Faṭānī (t.t), *Mawāqif al-Marjān bi Sharḥ Mawā‘iz al-Imān fī Tarjamah ba’d Manāhil al-‘Irfān*. Paṭṭānī: Dār al-Muḥāfirīn, h. 73.

⁸ Abū ‘Isā Muḥammad b. ‘Isā b. Sūrah b. Mūsā al-Tirmidhī (1999), *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, Abwāb al-Imān, Bāb Mā Jā’ a fī Iftirāq hādhīh al- Ummah, no.h. 2641, Riyād: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 600.

⁹ Zayn al-‘Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭānī (t.t), ‘Aqīdah al-Nājīn fī ‘Ilm Usūl al-Dīn. Paṭṭānī: Maṭba‘at Ibn Ḥalabī, h. 49.

¹⁰ Ismā‘il b. ‘Umar b. ‘Abd al-Laṭīf al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 76.

Kajian ini mendapati pernyataan di atas bertepatan dengan penjelasan Imam al-Ṭabarī (-310 H)¹¹, al-Qurṭubī (-671 H)¹², Ibn Kathīr (-774 H)¹³ dan lain-lain yang menyatakan bahawa Ibn ‘Abbas r.h. telah memberikan takwilan *tafsīlī* (terperinci) kepada *lafz* (perkataan) *istawā*, *Yad*, *al-Sāq* dan *Janb Allāh* yang terkandung dalam al-Quran¹⁴. Menurut Imam al-Zarkashī (-794 H), antara para Sahabat r.h. yang diriwayatkan telah mentakwilkan ayat-ayat *mutashābihāt* ialah Sayidinā Alī (-40 H), Ibn Mas‘ūd (-32 H), Ibn ‘Abbās (-68 H) r.h. dan lain-lain¹⁵.

Ia sekali gus menyatakan bahawa para Sahabat r.h. telah mempunyai dua aliran yang berbeza dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt*. Imam al-Qurtubī (-671 H) contohnya menjelaskan:¹⁶

وَقَدْ عُرِفَ أَنَّ مَذْهَبَ السَّلَفِ تَرُكُ التَّعْرُضِ لِتَأْوِيلِهَا مَعَ قَطْعِهِمْ
بِاسْتِحَالَةِ ظَواهِرِهَا، فَيَسْعَوْلُونَ أَمْرُوهَا كَمَا جَاءَتْ. وَذَهَبَ بَعْضُهُمْ إِلَى
إِبْدَاعِ تَأْوِيلَتَهَا وَجَهْلِهَا عَلَى مَا يَصِحُّ حَمْلُهُ فِي الْلِسَانِ عَلَيْهَا مِنْ عَيْرِ
قَطْعٍ بِتَعْيِينٍ مُجْمَلٍ مِنْهَا.

“Dan telah diketahui umum bahawa mazhab *Sālaf* adalah meninggalkan penglibatan diri dalam mentakwilkannya (ayat-ayat *mutashabihāt*) beserta mereka memuktamadkan tentang kemustahilan pengertiannya yang *zahir*. Justeru itulah mereka berkata: “Lalukanlah (bacakanlah sahaja) ia (ayat-ayat *mutashabihāt*) sebagaimana ia datang (tanpa berpegang kepada pengertiannya yang *zahir* dan tanpa memberikan takwilan *tafsīlī* kepadanya)”. Dan setengah

¹¹ Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī (1992), *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, j. 11, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 472.

¹² Muḥammad b. Aḥmad al-Qurṭubī (1996), *al-Jāmi‘ li Akhākām al-Qur’ān*, j. 17 & 18 j. c. 6. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 36, 108 & 162.

¹³ Ismā‘il b. Kathīr (1994), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, ed. ‘Abd al-Qādir al-Arnā’ūt. Dimashq: Dār al-Fayhā’, 4 j. h. 303.

¹⁴ Sila lihat pendedahan Prof. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī berkenaan penjelasan Imam Ibn Kathīr di dalam *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* berkenaan “al-Istiwa”, *al-Yad wa al-Yadayn*, *al-Wajh*, *al-Qurb*, *al-‘Ayn wa al-A'yūn* dan *al-Ma'iyyah*” di dalam: Yūsuf al-Qaraḍāwī (2005), *Fuṣūl fī al-‘Aqīdah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf*. Qāhirah: Maktab Wahbah, h. 127-132.

¹⁵ Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Zarkashī (1994), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, tq. Yūsuf ‘Abd al-Rahmān al-Mar‘ashlī, et al., j. 2, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 208-217.

¹⁶ Muḥammad b. Aḥmad al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 11.

mereka (*ulama Salaf*) mengemukakan *takwilantakwilannya* (yang *tafsīlī*) dan menyamakannya¹⁷ dengan apa (pengertian) yang sah menurut kebiasaan lidah (percakapan bangsa Arab) dalam penggunaannya (*takwilan tersebut*) tanpa memuktamadkan bahawa itulah (*takwilan*) yang tertentu bagi *lafaz mujmal* (*mutashābihāt*) tersebut”.

Menurut Prof. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī, *manhaj Ta’wīl* telah menjadi pilihan ramai ulama muktabar yang terkemudian seperti Imam Abū ‘Ubayd (-224 H), al-Bulqīnī (-403 H), al-Isfaraynī (-408H), Ibn Ḥazm (-456 H), al-Juwainī (-478 H), al-Ghazālī (-505 H), Ibn al-‘Arabī (-543 H), al-Qādī ‘Iyād (-544 H), al-Shahrastānī (-548 H), Ibn al-Jawzī (-597 H), al-Rāzī (-606H), al-Āmidī (-631 H), Ibn ‘Abd al-Salām (-660 H), al-Qurtubī (-671 H), al-Nawawī (-676 H), Ibn Daqīq al-‘Id (-702 H), al-Zarkashī (-794 H), al-‘Irāqī (-806 H), Ibn Ḥajar (-852 H), al-Suyūṭī (-911 H) dan lain-lain.¹⁸

Jelasnya, konsep *Ahl al-Sunnah* yang menghimpunkan semua ulama dalam kalangan *Salaf* dan *Khalaf* adalah bersesuaian dengan pernyataan Imam Ibn Abī al-‘Izz (-792 H):¹⁹

وَبِالْجُمْلَةِ فَأَهْلُ السُّنْنَةِ كُلُّهُمْ مِنْ أَهْلِ الْمَذَاهِبِ الْأَرْبَعَةِ وَغَيْرِهِمْ مِنْ
السَّلَفِ وَالْخَلَفِ مُتَقَوْنَ عَلَى أَنَّ كَلَامَ اللَّهِ عَيْرُ مَخْلُوقٍ

“Dan secara keseluruhannya, maka semua *Ahl al-Sunnah* (yang terdiri) dalam kalangan penganut empat *mazhab* (*fikah*) dan yang selain daripada mereka dalam kalangan *Salaf* dan *Khalaf* bersepakat mengatakan bahawa *Kalam Allah* (*al-Quran*) bukan makhluk”.

Justeru, boleh dirumuskan bahawa *Ahl al-Sunnah* adalah terdiri dalam kalangan para Sahabat r.h., ulama *Tābi‘īn* dan *fuqahā’ mujtahidīn* serta para pengikut mereka yang berpegang kepada *manhaj akidah* yang

¹⁷ Terjemahan ini disesuaikan dengan ungkapan (حمل الشيء على الشيء) yang telah diterjemahkan dengan maksud “menyamakan sesuatu dengan sesuatu”. Lihat: Hj. Othman b. Hj. Khalid *et al.* (2006), *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 524.

¹⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2005), *op. cit.*, h. 153-154.

¹⁹ ‘Alī b. Muḥammad b. Abī al-‘Izz al-Ḥanafī (2014), *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Tahāwiyyah*, tq. Jama‘ah min al-‘Ulamā’. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, h. 176.

bersifat pertengahan²⁰. Pertama, akidah mereka berkenaan “konsep keimanan dan persoalan-persoalan agama²¹” adalah bersifat pertengahan di antara fahaman *Khawārij*, *Mu’tazilah*, *Murji’ah* dan *Jahmiyyah*. Kedua, akidah mereka berkenaan “al-Asmā’ wa al-Šifāt” adalah pertengahan di antara akidah golongan *Mu’tazilah*, *Mushabbiyah* dan *Jahmiyyah*. Ketiga, akidah mereka berkenaan “para Sahabat Rasulullah S.A.W” adalah bersifat pertengahan di antara akidah golongan *Rāfidah* dan *Khawārij*. Keempat, akidah mereka berkenaan “Qadar (ketentuan) Allah S.W.T” adalah bersifat pertengahan di antara fahaman *Qadariyyah* dan *Jabariyyah*.²²

Sehubungan itu, maka pendapat sebilangan ulama yang menegaskan bahawa golongan *Ahl al-Sunnah* hanya terdiri dalam kalangan para Sahabat r.h., ulama *Tābi’īn* dan fuqahā’ *mujtahidīn* serta orang-orang yang beriltizam dengan *manhaj al-Ithbāt* (*Tafwīd al-Kayfiyyah*) semata-mata²³ adalah perlu dinilai semula. Ini kerana pendapat tersebut telah menyempitkan *Ahl al-Sunnah* kepada sebilangan kecil ulama sahaja dan didapati bercanggah dengan penjelasan para ulama *mujtahidin* yang lebih terdahulu.

MANHAJ AHL AL-SUNNAH DALAM BERINTERAKSI DENGAN AYAT MUTASHĀBIHĀT

²⁰ Sebagaimana firman Allah S.W.T (وَكُلُّكُمْ جُنَاحُكُمْ أَمَّةٌ وَسُطُّوا) dalam Surah al-Baqarah (2): 143.

²¹ Antara “persoalan-persoalan agama” yang dimaksudkan ialah berkenaan al-Quran (merupakan *Kalam Allah* yang *Qadīm*), *al-Isrā’ wa al-Mi’rāj* (yang berlaku dalam keadaan jaga dengan roh dan jasad), syurga dan neraka (yang telah pun diciptakan dan akan kekal abadi buat selama-lamanya), melihat Allah S.W.T di akhirat (tanpa *kayfiyah* khas untuk orang-orang yang beriman sahaja) dan lain-lain.

²² Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (2014), *al-Iqtisād fī al-I’tiqād*, tq. Ṣalāḥ al-Dīn al-Ḥawārī. Qāhirah: Dār al-Imām al-Shafī’ī, h. 17-155; Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (1988), *al-Arba’īn fī Usūl al-Dīn*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 5-17 dan Sayyid Sa’īd ‘Abd al-Ghanī (2001), *al-‘Aqīdah al-Ṣafīyyah li al-Firqah al-Nājiyah*, c.4, Makkah al-Mukarramah: Dār Taybah al-Khaḍrā’, h. 32 dan seterusnya.

²³ Taqī al-Dīn Ibn Taymiyyah (2000), *Majmū’ah al-Rasā’il wa al-Masā’il*, tq. Al-Sayyid Muḥammad Rashīd Riḍā. j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 200-221 dan Aḥmad b. ‘Abd al-Halīm Ibn Taymiyyah (2012), *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Wāsiṭiyyah*, tq. Abū ‘Abd al-Rahmān Ṭal’at b. Aḥmad al-‘Arfah. Qāhirah: Maktabat Miṣr, h. 39-294. Lihat juga: Safar b. ‘Abd al-Rahmān al-Hawārī (1430 H), *Usūl al-Firaq wa al-Adyān wa al-Mazāhib al-Fikriyyah*. Makkah al-Mukarramah: Dār Taybah al-Khaḍrā’, h. 20-23; ‘Umar Sulayman al-Ashqar (2008), *al-‘Aqīdah fī Allāh*. ‘Ammān: Dār al-Nafā’is, h. 186-274 dan Abū al-Yazīd Abū Yazīd al-‘Ajāmi (2008), *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah ‘ind al-Fuqahā’ al-Arba’ah*, c. 2, Qāhirah: Dār al-Salām, h. 105-108.

Kebanyakan kitab jawi menjelaskan bahawa dalam berinteraksi dengan ayat *mutashābihāt*, akidah *Ahl al-Sunnah* hanya terbahagi kepada mazhab *Salaf* yang bertunjangkan kepada *Tafwīd al-Ma’na* dan mazhab (majoriti ulama) *Khalaf* yang bertunjangkan kepada *Ta’wīl Tafsīlī*.²⁴

Bagaimanapun, kitab jawi bertajuk *Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah* telah membahagikan mazhab *Ahl al-Sunnah* kepada tiga iaitu mazhab Imam Abū al-Hasan al-Ash‘arī (-324 H), mazhab *Salaf* dan mazhab *Khalaf*.²⁵ Manakala kitab *Mawāqif al-Marjān* pula membahagikan mazhab *Ahl al-Sunnah* kepada mazhab *al-Mufawwidah* (aliran *Tafwīd*), mazhab *al-Mu’awwilah* (aliran *Ta’wīl*) dan mazhab *al-Mutawassitīn* (aliran pertengahan di antara *Tafwīd* dan *Ta’wīl*) yang dipelopori oleh Imām Ibn Daqīq al-‘Īd (-702 H).²⁶

Di bawah ini ialah penjelasan berkenaan aliran *Tafwīd*, aliran *Ta’wīl* dan aliran Imam Abū al-Hasan al-Ash‘arī sahaja. Penjelasan berkenaan mazhab *al-Mutawassitīn* sengaja tidak akan disentuh kerana ia tidak terlalu sukar untuk difahami memandangkan ia merupakan kombinasi di antara aliran *Tafwīd* dan aliran *Ta’wīl*.

PERTAMA: ALIRAN TAFWĪD

Kitab-kitab jawi Nusantara menjelaskan bahawa dalam berinteraksi dengan ayat *mutashābihāt*, mazhab *al-Salaf al-Šāliḥ* adalah bertunjangkan kepada *Tafwīd al-Ma’na* yang telah ditakrifkan sebagai:²⁷

تَفْوِيضُ مَعَانِي هَذِهِ الْمُتَشَابِهَاتِ إِلَى اللَّهِ وَحْدَهُ بَعْدَ تَنْزِيهِهِ عَنِ
ظَواهِرِهَا الْمُسْتَحِيلَةِ

*“Menyerah (yakni oleh mereka itu) akan segala makna
(yang dikehendakiNya) bagi yang mutashābihāt ini
kepada Allah juga (yang mengetahuinya) kemudian*

²⁴ Sebagai contoh, sila lihat: Zayn al-‘Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 49 dan al-Shaykh Ibrāhīm al-Laqqānī (t.t), *op.cit.*, h. 25.

²⁵ Abd al-Qadir b. Wangah b. Abd al-Latif b. ‘Uthman (t.t), *Risalah Manhaj Ahl Al-Sunnah*. Pattani: Percetakan Saudara Press, h. 6.

²⁶ Ismā‘il b. ‘Umar al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 76-89.

²⁷ Ibid., h. 76. Takrif ini sebenarnya diambil daripada karya berikut: Muḥammad ‘Abd al-‘Azīz al-Zarqānī (1998), *Mañāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, c. 2. Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turaāth al-‘Arabī, h. 541.

daripada menyuci akanNya Ta‘ālā (yakni kemudian daripada iktikadkan Maha SuciNya Ta ‘ālā) daripada segala zahirnya (yakni segala maknanya yang zahir bagi kita) yang mustahil ia (atasNya)”.

Justeru, apa yang dimaksudkan dengan *tafwīd* ialah *Tafwīd al-Ma‘nā Ba‘d al-Tanzīh* (تَفْوِضُ الْمَعْنَى بَعْدَ التَّنْزِيهِ) iaitu “menyerahkan pengertian yang dikehendaki bagi nas *mutashābihāt* kepada Allah S.W.T selepas (mereka terlebih dahulu) mensucikan Allah S.W.T daripada pengertian zahirnya yang mustahil bagi Allah S.W.T”.²⁸

Pengiktirafan terhadap aliran *Ta’wīl* dan aliran *Tafwīd* telah diabadikan dalam *naṣam* berikut:²⁹

وَكُلُّ نَصٍّ أَوْهَمَ التَّشْبِيهَا # أَوْلَهُ أَوْ فَوْضُ وَرْمُ تَنْزِيهَا

“Dan tiap-tiap nas yang memberi waham ia akan tashbih Allah itu dengan yang baharu (makhluk) takwil olehmu atau tafwidkan (serahkan) olehmu akan pengetahuan itu kepada Allah dan qasad olehmu akan suci Allah Ta‘ala daripada menyerupai dengan segala yang baharu”.

Membicarakan tentang konsep *Ta’wīl* dan konsep *Tafwīd* yang terkandung dalam *naṣam* di atas, kitab ‘Aqīdah al-Nājīn menjelaskan:³⁰

*“Bahawa apa yang dimaksudkan sebagai *tashbīh* ialah menyerupai, dan apa yang dimaksudkan sebagai *takwīl* ialah ditanggungkan (ditafsirkan) dia bahawa ia bersalah daripada pengertiannya yang zahir serta menjelaskan makna (pengertian) yang dikehendaki. Justeru, apa yang dimaksudkan sebagai *ta’wīl* di sini ialah *ta’wīl tafsīlī* seperti bahawa adalah padanya menyatakan makna yang dikehendaki seperti barang yang ia pada mazhab Khalaf ... atau serahkan olehmu artinya kemudian (selepas) daripada *ta’wīl ijmālī* yang ia memalingkan (menyerahkan pengertian) lafaz yang*

²⁸ Abd al-Qadir b. Wangah (t.t), *op. cit.*, h. 12.

²⁹ Ibrāhīm al-Bayjūrī (2012), *Tuhfah al-Murīd ‘alā Jawharat al-Tawhīd*, tq. ‘Alī Jumu‘ah, c. 6. Qāhirah: Dār al-Salām, h.16.

³⁰ Zayn al-‘Abidīn al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 49.

memberi waham itu kepada Allah Ta‘ālā atas tariqat Salaf”.

Kitab *Sharḥ bagi Matan Jawharah al-Tawhīd* pula menjelaskan:³¹

“Yakni tiap-tiap lafaz nas Quran yang amat tinggi atau hadis yang memberi ibhām pada kita di dalam zahirnya bagi hak Allah Ta‘ala maka dalamnya itu dua mazhab. Maka mazhab Khalaf itu katanya engkau takwilkan akan dia dengan takwil yang patut bagi hak Allah Ta‘ālā. Dan kata mazhab Salaf itu engkau tafwīdkan akan dia kepada Allah ‘Azza wa Jalla halnya qasadkan mensucikan Allah ‘Azza wa Jalla daripada makna yang zahirnya itu mustahil bagi Allah Ta‘ālā. Dan iaitu ittifāq dua mazhab dalam takwilan yang ijmāl serta mensucikan akan Allah ‘Azza wa Jalla daripada zahirnya nas, dan ikhtilāf dua mazhab itu dalam takwil yang tafsīl”

Menurut kitab *Mawāqif al-Marjān* pula Imam Ibn al-Ṣalāḥ (-643 H) berpendapat bahawa mazhab *Salaf* yang bertunjangkan kepada *Tafwīd* itulah yang menjadi pegangan generasi Islam yang terawal (para Sahabat r.a) dan *fuqahā’ mujtahidīn* seperti Imām Abū Hanifah (-150 H), Imam al-Shafī‘ī (-204 H), Imam Ahmad (-241 H) dan Imam Ja‘far al-Ṣādiq (-148 H).³² Sebagai bukti, Imam Abū Hanifah (-150 H) telah menegaskan:³³

مَنْ حَصَرَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْجِهَةِ الْفُوْقِيَّةِ أَوِ التَّحْمِيَّةِ فَقَدْ كَفَرَ

“Barang siapa mehingga ia akan Allah Ta‘ālā pada jihat (arah) yang bangsa atas atau yang bangsa bawah maka sungguhnya kufur ia”.

Manakala Imam Ja‘far al-Ṣādiq (-148 H) pula menegaskan:³⁴

³¹ Ibrāhīm al-Laqqāni (t.t), *op. cit.*, h. 25.

³² Ismā‘īl b. ‘Umar al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 81.

³³ *Ibid.*, h. 82.

³⁴ *Ibid.*, h. 83. Penjelasan di atas bertujuan untuk membuktikan bahawa *fuqahā’ mujtahidīn* terdahulu tidak menerima pakai pengertian zahir ayat-ayat dan hadis-hadis *mutashābihāt* yang menggambarkan bahawa Allah S.W.T bertempat di atas ‘arash.

"مَنْ رَعَمَ أَنَّ اللَّهَ فِي شَيْءٍ أَوْ مِنْ شَيْءٍ أَوْ عَلَى شَيْءٍ فَقَدْ أَشْرَكَ، إِذْ لَوْ كَانَ فِي شَيْءٍ لَكَانَ مُحْصُورًا، وَلَوْ كَانَ عَلَى شَيْءٍ لَكَانَ مُحْمُولًا، وَلَوْ كَانَ مِنْ شَيْءٍ لَكَانَ مُحْدَثًا"

"Barang siapa sangka ia akan bahwasanya Allah itu ada Ia di dalam suatu atau daripada suatu atau di atas suatu maka sungguhnya syirik yakni kufur ia, kerana kalau adalah Ia Ta 'ālā dalam suatu tentulah Ia yang dilingkungi, dan kalau adalah Ia di atas suatu tentulah Ia yang dipikulkan, dan kalau adalah Ia daripada suatu tentulah Ia yang baharu".

Sebagai suatu penilaian, penulis mendapati pernyataan di atas bertepatan dengan pernyataan Imam al-Zarkashī (-794 H) sebagaimana berikut:³⁵

"وَقَدِ اخْتَلَفَ النَّاسُ فِي الْوَارِدِ مِنْهَا فِي الْآيَاتِ وَالْأَحَادِيثِ عَلَى ثَلَاثٍ فِرَقٍ: (أَحَدُهَا) أَنَّهُ لَا مَدْخَلَ لِلتَّأْوِيلِ فِيهَا ، بَلْ بُجُورِي عَلَى ظَاهِرِهَا ، وَلَا تُؤَوِّلُ شَيْئًا مِنْهَا ، وَهُمُ الْمُسْتَبِهُونَ . (وَالثَّانِي) أَنَّهَا تَأْوِيْلًا ، وَلَكِنَّا نُمْسِكُ عَنْهُ ، مَعَ تَبْيِيْهِ اعْتِقَادِنَا عَنِ الشَّبَهِ وَالْعَطْهِلِ ، وَنَقُولُ : لَا يَعْلَمُهُ إِلَّا اللَّهُ ، وَهُوَ قَوْلُ السَّلَفِ . (وَالثَّالِثُ) أَنَّهَا مُؤَوَّلَةٌ ، وَأَوْنُوهَا عَلَى مَا يَلِيقُ بِهِ . وَالْأَوَّلُ بَاطِلٌ ، وَالْأَخِيرُ مَنْفُولَانِ عَنِ الصَّحَابَةِ ، فَنُقْلَلُ الْإِمْسَاكُ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّهَا سُئِلَتْ عَنِ الإِسْتِوَاءِ فَقَالَتْ: (الإِسْتِوَاءُ مَعْلُومٌ ، وَالْكَيْفُ مَجْهُولٌ ، وَالإِيمَانُ بِهِ وَاجِبٌ ، وَالسُّؤَالُ عَنْهُ بِدْعَةٌ). وَكَذِلِكَ سُئِلَ عَنْهُ مَالِكٌ فَأَجَابَ بِمَا قَالَهُ أُمِّ سَلَمَةَ وَكَذِلِكَ سُئِلَ سُفِيَّانُ التَّوْرِيُّ فَقَالَ: (أَفَهُمْ مِنْ قَوْلِهِ {الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى – طَه : 5} مَا أَفْهَمُ مِنْ قَوْلِهِ {ثُمَّ اسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ – فُصِّلَتْ : 11}. وَسُئِلَ الْأَوْرَاعِيُّ عَنْ تَفْسِيرِ هَذِهِ الْآيَةِ ، فَقَالَ : {الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى} كَمَا قَالَ ، وَإِنِّي لَأَرَاكَ ضَالًّا قَالَ

³⁵ Badr al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Zarkashī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 207-208.

الشَّيْخُ أَبُو عَمْرُو بْنُ الصَّلَاحِ : (وَعَلَى هَذِهِ الظَّرِيفَةِ مَضَى صَدْرُ الْأُمَّةِ وَسَادَاتُهَا ، وَإِيَّاهَا اخْتَارَ أَئِمَّةُ الْفُقَهَاءِ وَقَادُتُهَا ، وَإِلَيْهَا دَعَا أَئِمَّةُ الْحَدِيثِ وَأَعْلَامُهُ ، وَلَا أَحَدٌ مِنَ الْمُتَكَلِّمِينَ مِنْ أَصْحَابِنَا يَصْدِفُ عَنْهَا وَيَأْتِيَهَا)

“Manusia (umat Islam) telah berbeza pendapat tentang sebahagian daripada ayat-ayat dan hadis-hadis yang berkaitan dengannya (perkara mutashābihāt, dan mereka terbahagi) kepada tiga golongan: Satu daripadanya (berpendapat) bahawa sanya tiada sebarang takwilan padanya bahkan ia diterima pakai menurut zahir (pengertian)nya dan mereka tidak mentakwilkan sedikit pun daripadanya (sekalipun dengan *ta’wīl ijmālī*); mereka itu adalah golongan al-Mushabbihah. Golongan kedua (berpendapat) bahawa ayat-ayat dan hadis-hadis mutashābihāt mempunyai takwilan yang tertentu tetapi kami menahan diri daripada (memberi takwilan tertentu kepada)nya beserta mensucikan iktikad kami (dengan menerima *ta’wīl ijmālī* supaya terselamat) daripada *tashbīh* (menyerupakan Allah dengan makhluk sebagaimana fahaman golongan mushabbihah) dan *ta’til* (menafikan kesemua Sifat Allah sebagaimana pendirian Muktazilah), dan kami berkata: “Tiada mengetahui (*ta’wīl tafsīlī*)nya kecuali Allah jua, dan itulah pendapat Salaf. Golongan ketiga (berpendapat) bahawa ia (harus) ditakwilkan dan mereka telah mentakwilkannya menurut pengertian yang layak baginya. (Pendapat) yang pertama adalah batil (sesat); dan dua pendapat yang terakhir telah diriwayatkan kedua-duanya daripada para Sahabat r.h. Maka telah diriwayatkan menahan diri daripada mentakwilkannya (dengan *ta’wīl tafsīlī*) daripada Umm Salamah (r.h.) bahawa beliau telah ditanya tentang *al-Istiwa’* lalu beliau menjawab: “*al-Istiwa’* telah diketahui, dan caranya tidak diketahui, dan beriman dengannya adalah wajib dan bertanya mengenainya adalah bid’ah.” Demikian juga Imam Malik (-179H) telah ditanya mengenainya lalu beliau menjawab dengan jawapan yang telah diberikan oleh Ummu Salamah Dan demikian juga *Sufyān al-*

Thawrī (-161H) telah ditanya (mengenainya) lalu beliau menjawab: “Saya memahami firmanNya (yang bermaksud): “Tuhan Yang Maha Pemurah di atas ‘arash beristiwa’ Ia” sama seperti saya memahami firmanNya (yang bermaksud): “Kemudian Dia beristiwa’ ke langit”. Dan (Imam) al-Awza‘ī telah ditanya tentang tafsiran ayat ini lalu beliau menjawab: ﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى﴾ (adalah) sebagaimana yang Dia telah firmankan (perlu dibiarkan tanpa sebarang tafsiran mahupun takwilan), dan sesungguhnya saya benar-benar berpendapat bahawa engkau adalah orang yang sesat Berkata al-Shaykh Abū ‘Amr b. al-Salāḥ: “Dan di atas manhaj inilah berjalannya permulaan umat ini bersama para pemuka ulama dalam kalangan mereka, dan manhaj inilah yang telah dipilih oleh para pemimpin fuqahā’ mujtahidin dan tokoh-tokohnya yang terbilang, dan kepada manhaj inilah berseru oleh para pemimpin dan tokoh-tokoh ulama dalam bidang hadis dan tiada seorang pun ulama akidah dalam kalangan para sahabat kami yang berpaling daripada manhaj ini dan enggan menerimanya”

Pemakaian konsep *Tafwīd al-Ma‘nā* oleh ulama *Salaf* dalam berinteraksi dengan ayat-ayat dan hadis-hadis *mutashābihāt* turut diberi perakuan oleh Imam al-Tahāwī (-321 H) sebagaimana berikut:³⁶

وَالرُّؤْيَا حَقٌ لِأَهْلِ الْجَنَّةِ بِعَيْرٍ إِحْاطَةٍ وَلَا كِيْفَيَّةٍ ، كَمَا نَطَقَ بِهِ كِتَابُ رَبِّنَا {وُجُوهٌ يَوْمَئِنُ نَاضِرَةٌ إِلَى رَبِّكُمَا نَاظِرَةٌ – الْقِيَامَةُ : 23-22}.
وَتَقْسِيرُهُ عَلَى مَا أَرَادَ اللَّهُ تَعَالَى وَعَلِمَهُ³⁷ ، وَكُلُّ مَا جَاءَ فِي ذَلِكَ مِنْ الْحَدِيثِ الصَّحِيحِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَهُوَ كَمَا قَالَ ،
وَمَعْنَاهُ عَلَى مَا أَرَادَ ، لَا نَدْخُلُ فِي ذَلِكَ مُتَأْوِلِينَ بِآرَائِنَا وَلَا مُتَوَهَّمِينَ
بِأَهْوَائِنَا

³⁶ Ibn Abī al-‘Izz (2014), *op. cit.*, h. 188-189.

³⁷ Sila lihat catatan baris bagi perkataan (وَعْلَمَهُ) di dalam: ‘Abd al-Ghanī al-Ngunaymī al-Maydānī al-Hanafī al-Dimashqī (2009), *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Tahāwiyyah al-Musammāh Bayān al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, ed. Kāmil Aḥmad Kāmil al-Husaynī. Qāhirah: Dār al-Basā’ir, h. 79.

“Dan melihat Allah (di akhirat nanti) adalah benar untuk ahli syurga tanpa meliputi (hakikat Allah) dan tanpa kayfiyat, sebagaimana yang dijelaskan mengenainya oleh kitab Tuhan kita (ayat al-Quran yang bermaksud): “Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri; melihat kepada Tuhannya” (Surah al-Qiyāmah (75): 22-23. Dan tafsirannya adalah menurut apa yang dikehendaki oleh Allah Ta’ala dan menurut apa yang dikehendakiNya. Dan semua hadis-hadis sahih yang datang daripada Rasulullah S.A.W mengenainya maka ia adalah sebagaimana yang telah disabdakan oleh baginda, dan maknaNya adalah menurut apa yang dikehendaki oleh baginda; kita tidak akan melibatkan diri dalam mentakwilkannya menurut pendapat-pendapat kita dan tidak juga akan membayangkan (maksud ayat-ayat dan hadis-hadis mutashābihāt berdasarkan pengertiannya yang zahir) menurut hawa nafsu kita (sebagaimana yang dilakukan oleh golongan mushabbihah dan mujassimah)”.

Kajian ini juga mendapati pernyataan kitab-kitab jawi di atas bertepatan dengan penjelasan Imam al-Tirmidhī (-279 H):³⁸

وَالْمَذْهَبُ فِي هَذَا عِنْدَ أَهْلِ الْعِلْمِ مِنِ الْأَئِمَّةِ مِثْلُ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ،
وَمَالِكِ بْنِ أَنَسٍ، وَابْنِ الْمُبَارَكِ، وَابْنِ عُيَيْنَةَ، وَوَكِيعَ وَغَيْرِهِمْ: أَنَّهُمْ رَوْفَا
هَذِهِ الْأَشْيَاءَ، ثُمَّ قَالُوا: تَرَوْيِي هَذِهِ الْأَحَادِيثُ وَنُؤْمِنُ بِهَا وَلَا يُقَالُ:
كَيْفَ؟ وَهَذَا الَّذِي اخْتَارَهُ أَهْلُ الْحَدِيثِ: أَنْ تُرَوِيَ هَذِهِ الْأَشْيَاءُ كَمَا
جَاءَتْ وَيُؤْمِنُ بِهَا، وَلَا تُفْسِرُ وَلَا تُتَوَهَّمُ، وَلَا يُقَالُ: كَيْفَ؟ وَهَذَا أَمْرُ
أَهْلِ الْعِلْمِ الَّذِي اخْتَارُوهُ وَدَهْبُوا إِلَيْهِ.

“Dan mazhab (yang muktabar) berhubung (perkara) ini di sisi para ilmuwan yang memimpin masyarakat seperti *Sufyān al-Thawrī* (-161H), *Mālik b. Anas* (-179H), *Ibn al-Mubārak*, *Ibn ‘Uyaynah* (-198H), *Wakī‘ b. al-Jarrāḥ* dan lain-lain bahawa mereka telah meriwayatkan perkara-perkara ini kemudian mereka berkata: “Kami

³⁸ Abū ‘Isā Muḥammad b. ‘Isā b. Sūrah b. Mūsā al-Tirmidhī (1999), *op. cit.*, no. h. 662.

meriwayatkan hadis-hadis ini dan kami beriman dengannya, dan tidak boleh dikatakan: Bagaimanakah (ia)?”. Inilah mazhab yang dipilih oleh (para ulama) ahli hadis iaitu perkara-perkara ini diriwayatkan sebagaimana ia datang dan perlu beriman dengannya tanpa mentafsirkannya dan tanpa membayangkannya (maksud ayat-ayat dan hadis-hadis mutashābihāt berdasarkan pengertiannya yang zahir) serta tidak boleh dikatakan: Bagaimanakah (ia)? Inilah urusan (*manhaj*) yang telah dipilih ahli-ahli ilmu dan yang mereka bermazhab dengannya”.

Mengulas lanjut penjelasan Imam al-Tirmidhī di atas, al-Ḥāfiẓ b. Hajar al-‘Asqalānī (-852H) menyatakan:³⁹

وَقَوْلُهُ (وَلَا تُتَوَهَّمُ) مَعْنَاهُ : يُصْرِفُ ظَاهِرُهَا الَّذِي يُوَهِّمُ مُشَابَهَةَ اللَّهِ لِخَلْقِهِ، مَعَ تَفْوِيضِ الْمَعْنَى الْحَقِيقِيِّ اللَّهِ تَعَالَى، وَأَمَّا الْكَيْفُ فَلَا يَحْتَاجُ لِتَفْوِيضِهِ إِلَّا أَنَّ الْكَيْفَ مُخَالٌ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى، كَمَا قَالَ الْإِمَامُ مَالِكُ رَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى: (وَلَا يُقَالُ كَيْفَ، وَكَيْفَ عَنْهُ مَرْفُوعٌ) أَيْ أَنَّهُ لَا كَيْفَ لِلَّهِ تَعَالَى .

“Dan kata-katanya (وَلَا تُتَوَهَّمُ) ertiinya (ialah) dipalingkan zahir pengertiannya (hadis-hadis mutashābihāt) yang menggambarkan penyerupaan Allah dengan makhlukNya, beserta dengan menyerahkan maknanya yang hakiki kepada Allah Ta ‘ālā. Adapun tentang *al-Kayf* (bagaimana keadaan *Sifat* Allah yang mutashābihāt itu) maka kita tidak berhajat untuk mentafwidkan pengertiannya (kepada Allah) kerana *kayfiyāt* itu sendiri adalah mustahil bagi Allah, sebagaimana kata-kata *Imām Mālik r. hm.*: “Dan tidak dikatakan “bagaimana?”, kerana “(pertanyaan) bagaimana” itu sendiri adalah terangkat daripadaNya (tidak layak ditanyakan sejak dari awal lagi)”, iaitu bahwasanya tiada sebarang *kayfiyāt* pun bagi Allah Ta ‘ālā”.

³⁹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2005), *op. cit.*, h. 69.

Penjelasan di atas sekali gus membuktikan kesahihan pernyataan kitab-kitab jawi Nusantara bahawa para ulama *Salaf* sebenarnya telah menyerahkan makna (*Tafwīd al-Ma ‘nā*) setiap nas *mutashābihāt* kepada Allah S.W.T tanpa menerima pakai pengertiannya yang zahir yang mustahil bagi Allah S.W.T seperti bertempat di atas ‘*arash*, beranggota, bergerak dari ‘*arash* ke langit dunia dan seumpamanya.

KEDUA: MAZHAB *TA’WIL*

Berkenaan mazhab *al-Mu’awwilah* yang memberikan *ta’wil tafsīlī* kepada sebilangan nas *mutashābihāt*,⁴⁰ kitab *Mawāqif al-Marjān* menjelaskan bahawa ia telah pun muncul sejak zaman para Sahabat r.h. lagi.⁴¹ Sebagai contoh, Abdullah b. ‘Abbas r.h. (-68 H) telah memberikan takwilan *tafsīlī* kepada lafaz (أَيْدِٰ) yang terkandung dalam firman Allah S.W.T :

وَالسَّمَاءَ بَنَيْنَاهَا بِأَيْدِٰ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ

(Surah al-Zāriyāt 51: 47)

dengan makna (فُطُوحٌ) yang menyebabkan ayat di atas bermaksud: “*Dan langit itu Kami dirikan dengan kekuasaan Kami (dalam bentuk binaan yang kukuh rapi). Dan sesungguhnya Kami adalah mempunyai kekuasaan yang luas tidak terhingga*”.

Kajian ini mendapati pernyataan di atas bertepatan dengan fakta yang terkandung dalam Tafsir al-Qurtubī (-671 H) yang menjelaskan bahawa perkataan (بِأَيْدِٰ) telah ditakwilkan oleh Ibn ‘Abbas (-68 H) dan lain-lain dengan maksud kekuatan dan kekuasaan (قُوَّةً وَقُدْرَةً)⁴². Imam Ibn Kathīr (-774 H) pula menyatakan bahawa takwilan tersebut telah

⁴⁰ Penjelasan terperinci berkenaan takwilan ayat-ayat dan hadis-hadis *mutashābihāt* dalam kitab-kitab jawi boleh didapati dalam: Zayn al-‘Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 39, 50-51; Ismā‘īl b. ‘Umar al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 54, 76, 80, 84, 89, 92-95; dan Hj. ‘Abd al-Qadir b. Wangah (t.t), *op. cit.*, h. 16-37.

⁴¹ Ismā‘īl b. ‘Umar al-Faṭānī (t.t), *ibid.*, h. 76. Sila lihat penjelasan al-Qaraḍāwī berkenaan nas-nas *mutashābihāt* yang telah ditakwilkan oleh Ibn ‘Abbas r.h. di dalam: Yūsuf al-Qaraḍāwī (2005), *op. cit.*, h. 84-86.

⁴² Muḥammad b. Aḥmad al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 36.

diriwayatkan daripada Ibn'Abbās (-68 H), Mujāhid (-104 H), Qatādah (-117 H), Sufyān al-Thawrī (-161 H) dan lain-lain⁴³.

Takwilan *tafsīlī* di atas telah dijadikan landasan oleh ulama *Khalaf* untuk menyelamatkan akidah masyarakat awam yang berhadapan dengan pelbagai fahaman sesat daripada golongan *Jabariyyah*, *Qadariyyah*, *Mu'tazilah*, *Mujassimah*⁴⁴, ahli-ahli falsafah dan sebagainya.⁴⁵ Sehubungan itu, kitab '*Aqīdah al-Nājin* menjelaskan:⁴⁶

“Dan bermula tariqat (aliran) Khalaf itu terlebih mengetahui dan terlebih teguh kerana barang yang padanya bertambah wādīh (jelas) dan radd atas khusūm (menolak kesesatan golongan yang menentang akidah Ahl al-Sunnah) dan iaitu terlebih rājīh (kuat)”

Berhubung keharusan memberikan takwilan yang *sahih* kepada sesuatu ayat al-Quran dan sesuatu hadis *mutashābihāt*, Imam Ibn al-Qayyim (-751 H) dan kemudiannya turut diperakui oleh Imam Ibn Abī al-'Izz al-Hanafī (-792 H) menjelaskan:⁴⁷

وَبِالْجُمْلَةِ فَالْتَّأْوِيلُ الَّذِي يُوَافِقُ مَا دَلَّتْ عَلَيْهِ النُّصُوصُ وَجَاءَتْ بِهِ
السُّنْنَةُ هُوَ التَّأْوِيلُ الصَّحِيحُ، وَغَيْرُهُ هُوَ الْفَاسِدُ.

“Secara kesimpulannya, takwil yang menepati dalil-dalil yang telah ditunjukkan oleh nas-nas al-Quran serta dibawa datang oleh al-Sunnah, itulah takwīl yang sahih, dan yang selain daripadanya adalah takwīl yang rosak”.

Jelasnya, selain daripada mazhab *Tafwīd*, mazhab *Ta'wīl* juga merupakan manhaj akidah *Ahl al-Sunnah* yang asal kerana ia telah pun wujud sejak zaman para Sahabat r.h. dan seterusnya telah dimantapkan

⁴³ Ismā‘īl b. Kathīr (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 303.

⁴⁴ Pengertian golongan *al-Mujassimah* menurut Imam al-Qurtubī (-671 H) ialah: *الَّذِينَ جَمَعُوا مَا فِي الْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ مَمَّا ظَاهِرُهُ الْجَسِيمَةُ حَتَّىٰ اعْقَدُوا أَنَّ الْبَارَىٰ تَعَالَىٰ چَسْمٌ مُجَسَّمٌ وَصُورَةٌ مُصَوَّرَةٌ* (ذات وجه وعيون ويد وجيء ورجل وأصابع، تعالى الله عن ذلك). Lihat: Muḥammad b. Aḥmad al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 11.

⁴⁵ Ibrāhīm al-Laqqānī (t.t), *op. cit.*, h. 25.

⁴⁶ Zayn al-Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭānī (t.t), *op. cit.* h. 49.

⁴⁷ Muḥammad b. Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2004), *Mukhtaṣar al-Sawā'iq al-Mursalah 'alā al-Jahmiyyah wa al-Mu'aṭṭilah*, tq. al-Ustaz Sayyid 'Imrān. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 21 dan Ibn Abī al-'Izz al-Hanafī (2014), *op. cit.*, h. 215.

lagi oleh *fuqahā'* *mujtahidīn* dalam kalangan ulama *Ashā'irah* dan *Matūridiyah*.⁴⁸

Justeru, walaupun kitab-kitab jawi Nusantara menegaskan bahawa akidah *Salaf* yang bertunjangkan kepada *Tafwīd al-Ma'nā* adalah “lebih selamat” (السَّلَفُ أَسْلَمُ) berbanding aliran *Khalaf* kerana ia “lebih jauh” daripada berlaku kesilapan dalam menentukan makna yang berkemungkinan tidak dikehendaki oleh Allah S.W.T⁴⁹, namun kitab-kitab jawi secara konsisten turut menjelaskan bahawa mazhab *Khalaf* adalah lebih teguh⁵⁰ (الخَلْفُ أَقْعُدُ) ataupun lebih mengetahui dan lebih bijaksana (الخَلْفُ أَعْلَمُ وَأَحْكَمُ).⁵¹

Penerimaan kitab-kitab jawi terhadap aliran *Ta'wil* tidak perlu diperincikan dengan lebih lanjut kerana tidak timbul sebarang keraguan lagi mengenai penerimaan *Khalaf* terhadapnya.

KETIGA: MAZHAB IMAM ABŪ AL-ḤASAN AL-ASH‘ARĪ

Berkenaan mazhab Imam Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī (-324 H) dalam berinteraksi dengan ayat dan hadis *mutashābihāt*, kitab *Risālat Manhaj Ahl al-Sunnah* menjelaskan bahawa menurut Imam al-Ash‘arī, *al-Istiwa'*, *al-Yad*, *al-Wajh*, *al-'Ayn* dan sebagainya merupakan beberapa nama bagi Sifat Allah S.W.T yang tergolong dalam kategori Sifat *Ma'āni*

⁴⁸ Sebagai contoh, sila lihat takwilan Imam 'Izz al-Dīn b. 'Abd al-Salām (-660 H) berkaitan tiga puluh sembilan (39) Sifat-sifat Allah yang *mutashābihāt* berpandukan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah di dalam: 'Abd al-Salām Māzin Abū Khalaf (2012), *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah 'ind Sulṭān al-'Ulamā'* al-'Izz b. 'Abd al-Salām. 'Ammān: Dār al-Nūr al-Mubīn li al-Dirāsāt wa al-Nashr, h. 194-300.

⁴⁹ Zayn al-'Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 49. Lihat juga: 'Abd al-Ghanī Yahyā dan 'Umar Yūsuf (t.t), *Risālah al-Tawhīd* (*Pindaan*). Paṭṭānī: Maṭba'ah b. Hallābī, h. 18.

⁵⁰ Zayn al-'Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭānī (t.t), *op. cit..*

⁵¹ Dāwud b. al-Shaykh 'Abd Allāh al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 44 (lihat pada catatan di tepi kitab). Sila lihat: "Taqdīm al-Shaykh al-'Allāmah al-Faqīh al-Duktūr Yūsuf al-Qaraḍāwī" di dalam: Sayf b. 'Alī al-'Asr (2010), *op. cit.*, h. 10 yang antara lainnya telah memberi penjelasan berikut:

... ولا يقصدون أن يكون الخلف أعلم من السلف، ولكن المذهب والطريقة، وذلك حسب الوقت والحال. وإنما كان مذهب الخلف أعلم لأنه يزيل الشبهة، ويقيم الحجة، ويقطع العقل المتطلع أبداً إلى المعرفة، ولا يقعه دائمًا إلى التسليم، وقول: الله أعلم بمراده! كما أنه هو الألائق بخطاب المنكرين والمشككين الذين لا يقنعوا التقويض والتسليم هذا ما عرفته في الأزهر من خلال مراحله الدراسية المختلفة

sebagaimana sifat *Qudrat* dan *Iradat*, yang juga dinamakan sebagai *Sifāt Sam 'iyyāt* iaitu yang didengar daripada al-Quran atau al-Hadith.⁵²

Kitab *Mawāqif al-Marjān* pula menjelaskan bahawa Imam Abū al-Hasan al-Ash'arī telah mentakwilkan nas *mutashābihāt* (dengan *ta'wīl ijmālī*) tanpa menentukan makna yang dikehendaki (iaitu tanpa *ta'wīl tafsīlī*) dan beliau berpendapat bahawa apa yang dikehendaki daripada firman Allah S.W.T (الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى) ialah mengitihbātkan bahawa Allah S.W.T bersifat dengan satu sifat *Sam 'iyyah* yang dinamakan sebagai sifat *istiwā'* yang tidak diketahui maknanya secara *ta'yīn*.⁵³

Kajian ini mendapati pernyataan di atas bertepatan dengan huraian Imam al-Zarkashī (-794 H) sebagaimana berikut:⁵⁴

فَنَحْنُ بَحْرٌ يَّنْهَا هَذَا الْبَابِ عَلَى طَرِيقِ الْمُؤْلَفِينَ ، حَاكِيُّنَا كَلَامَهُمْ .
فَمِنْ ذَلِكَ صِفَةُ الْإِسْتَوَاءِ، فَحَكَى مُقَاتِلٌ وَالْكَلْبِيُّ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ
{اسْتَوَى} - طه: 5 {يَعْنِي اسْتَغَرَ، وَهَذَا إِنْ صَحٌّ يَخْتَاجُ إِلَى تَأْوِيلٍ،
فَإِنَّ الْإِسْتِقْرَارَ يُشْعِرُ بِالشَّجَسِيمِ قَالَ الْأَسْتَادُ (إِسْمَاعِيلُ الصَّرِيرِ):
وَالصَّوَابُ مَا قَالَهُ الْفَرَاءُ وَالْأَشْعَرِيُّ وَجَمَاعَةُ مِنْ أَهْلِ الْمَعَانِي أَنَّ مَعْنَى
{اسْتَوَى} } أَقْبَلَ عَلَى خَلْقِ الْعَرْشِ وَعَمَدَ إِلَى خَلْقِهِ، فَسَمَّاهُ اسْتَوَاءً،
كَقُولِهِ {لَمْ اسْتَوِي إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ - فُصِّلَتْ: 11 } أَيْ
قَصَدَ وَعَمَدَ إِلَى خَلْقِ السَّمَاءِ فَكَذَا هُنَّا. قَالَ: وَهَذَا الْقَوْلُ مَرْضِيٌّ
عِنْدَ الْعُلَمَاءِ لَيْسَ فِيهِ تَعْطِيلٌ وَلَا تَشْبِيَةٌ 55 وَإِذَا ثَبَّتَ هَذَا فَصَحَّ
قَوْلُ الْأَشْعَرِيِّ: إِنَّ الْيَدَيْنِ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى: {لِمَا خَلَقْتُ بِيَدِيَّ - ص:}

⁵² Hj. 'Abd al-Qadir b. Wangah (t.t), *op. cit.*, h. 6.

⁵³ Ismā'īl b. 'Umar al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 92.

⁵⁴ Muḥammad b. 'Abd Allāh al-Zarkashī (1994), *op. cit.*, h. 211-212 dan 214. Lihat juga penjelasan mengenainya di dalam: Al-Qādī Abū Bakr Muḥammad b. 'Abd Allāh b. al-'Arabī (1990), *op. cit.*, h. 375-377.

⁵⁵ Sambungan kepada frasa di atas ialah: أَخْذَتْ (في) هَذِهِ بِعْنَى (فِي) زَمَانَةَ : أَخْذَتْ () الَّهُ فِي الْعَرْشِ فَغَلَّ سَمَاءَ اسْتَوَاءَ كَمَا فَعَلَ فَغَلَّ سَمَاءَ فَضْلًا وَبِنَفْعَةَ ، (كَمَا) قَالَ تَعَالَى: {وَلَكُنَّ اللَّهُ حَبِّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعُصْبَانَ، أَوْلَئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ * فَضْلًا مِنْ اللَّهِ وَنِعْمَةٌ } وَقَالَ (الْأَشْعَرِيُّ فِي الْمُؤْجَزِ: {وَهُوَ اللَّهُ فِي السَّمَاوَاتِ وَفِي الْأَرْضِ يَعْلَمُ } أَيْ عَالَمٌ بِمَا فِيهِمَا، b. 'Abd Allāh al-Zarkashī (1994), *ibid*.

35 { صِفَةٌ وَرَدَ بِهِ الشَّرْعُ ، وَلَمْ يَقُلْ إِنَّهَا فِي مَعْنَى الْقُدْرَةِ كَمَا قَالَ الْمُتَأْخِرُونَ مِنْ أَصْحَابِهِ ، وَلَا يَمْعَنُ النِّعْمَةُ ، وَلَا قَطْعَ بِشَيْءٍ مِنْ التَّأْوِيلَاتِ تَحْرُزًا مِنْهُ عَنْ مُخَالَفَةِ السَّلَفِ ، وَقَطْعَ بِإِنَّهَا صِفَةٌ تَحْرُزًا عَنْ مَدَاهِبِ الْمُشَبَّهَةِ .

“Maka kami akan berbicara dalam bab ini menurut jalan para ulama aliran *Ta’wīl* dengan menceritakan percakapan mereka. Antaranya ialah berkenaan *Sifat Istiwā’*, di mana *Muqātil* dan *al-Kalbī* telah menceritakan daripada *Ibn ‘Abbās r.h* bahawa “*istawā’*” bermaksud “menetap”. Dan (riwayat) ini jika sahih (sekali pun), ia berhajat kepada takwilan kerana sesungguhnya “menetap” itu menimbulkan kefahaman menjisimkan Allah Berkata *al-Ustaz (Ismā’īl al-Darīr – yang buta matanya)*: “Dan yang benarnya ialah apa yang dikatakan oleh *al-Farrā’*, (*Imam Abū al-Hasan*) *al-Ash‘arī* dan sekumpulan pakar ilmu *Ma‘ānī* bahawa pengertian {*istawā’*} ialah bertindak untuk menciptakan ‘*arash* dan menuju kepada penciptaananya, lalu Dia menamakannya sebagai *istiwā’* seperti firmanNya (yang bermaksud): “Kemudian Dia menujukan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap”, iaitu Dia menuju kepada penciptaan langit, maka demikian juga (pengertiannya) di sini. Beliau (*Ustaz Ismā’īl al-Darīr*) berkata: “Kata-kata ini diredayai oleh para ‘ulamak (kerana) ia tidak mengandungi *ta’īl* (menafikan sifat bagi Allah) dan tiada juga *tashbīh* (menyerupakan Allah dengan makhluk) Dan apabila sabit (kesahihan makna) ini, maka sahlah kata-kata (*Imam Abū al-Hasan*) *al-Ash‘arī*: “Sesungguhnya (lafaz) *al-Yadayn* di dalam firman Allah *Ta‘ālā* (yang bermaksud): “kepada (Adam) yang telah Aku ciptakan dengan kedua tanganKu?” adalah satu *Sifat* (Allah) yang telah dijelaskan oleh *Syarak*, dan beliau (*al-Ash‘arī*) tidak pernah berkata sesungguhnya ia dengan makna “*Qudrat*” sebagaimana pendapat para ulama *Ashā’irah* yang terkemudian, dan tidak juga dengan makna “*nikmat*” dan beliau tidak memberikan sebarang takwilan *tafsīlī* (kepada sesuatu lafaz mutashābihāt) bagi memelihara diri daripada

menyalahi golongan Salaf, bahkan beliau menegaskan bahawa ia adalah suatu Sifat (bagi Allah S.W.T) untuk memelihara diri daripada mazhab-mazhab golongan mushabbihah.

Penjelasan yang lebih berautoriti berkenaan mazhab Imam Abū al-Hasan al-Ash‘arī boleh didapati dalam karya beliau sendiri iaitu *Risālah ilā Ahl al-Thaghr* sebagaimana berikut:⁵⁶

فَالْأَوَّلُ الْحَسَنُ الْأَشْعَرِيُّ : وَاجْمَعُوا عَلَى أَنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَحْيِيُّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالْمَلَكُ صَفَّا صَفَّا لِعَرْضِ الْأُمَمِ وَحِسَابِهَا وَعِقَابِهَا وَثُوابِهَا ، فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ مِنَ الْمُذْنِينَ ، وَيُعَذِّبُ مِنْهُمْ مَنْ يَشَاءُ كَمَا قَالَ ، وَلَيْسَ بِحَيْثِهِ حَرَكَةً وَلَا زَوَالًا ، وَإِنَّمَا يَكُونُ الْمَجِيءُ حَرَكَةً وَزَوَالًا إِذَا كَانَ الْجَنَانِيُّ جِسْمًا أَوْ جَوْهِرًا ، فَإِذَا ثَبَتَ أَنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَيْسَ بِجِسْمٍ وَلَا جَوْهِرٍ لَمْ يَحِبْ أَنْ يَكُونَ بِمِحِيطِهِ نَقلَةً ، أَلَا تَرَى أَنَّهُمْ لَا يُرِيدُونَ بِقَوْلِهِمْ : "جَاءَتْ رَبِيدَا الْحَمَّى" أَنَّهَا تَنَقَّلُ إِلَيْهِ ، أَوْ تَحْرَكُ مِنْ مَكَانٍ كَانَتْ فِيهِ ، إِذْ لَمْ تَكُنْ جِسْمًا وَلَا جَوْهِرًا ، وَإِنَّمَا بِمِحِيطِهِ إِلَيْهِ وُجُودُهَا بِهِ ، وَأَنَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَنْزِلُ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا كَمَا رَوَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَلَيْسَ تُرْوُلُهُ نَقلَةً لِأَنَّهُ لَيْسَ بِجِسْمٍ .

"(Imam) Abū al-Hasan al-Ash‘arī berkata: Dan mereka telah berijmak bahawa Allah ‘Azza wa Jallā akan datang pada Hari Kiamat sedang para malaikat berada dalam saf-saf yang tersusun untuk memulakan perhitungan amalan semua umat, untuk membalaas kejahatan dan untuk memberi balasan pahala kepada mereka, lalu Dia mengampuni orang-orang berdosa yang dikehendakiNya dan Dia akan mengazabkan orang-orang berdosa yang dikehendakiNya sebagaimana yang telah difirmanNya; dan bukanlah "kedatanganNya" bersifat pergerakan dan bukan juga bersifat suatu bentuk perpindahan; kerana "kedatangan" itu bersifat pergerakan dan perpindahan

⁵⁶ Abū al-Hasan al-Ash‘arī “*Risālah ilā Ahl al-Thaghr*”, h. 128-129 sebagaimana yang terkandung dalam: al-Imam al-Bayjūrī (2012), *Tuhfāt al-Murīd ‘alā Jawharah al-Tawhīd*, tq. Prof. Dr. ‘Alī Jumu‘ah, c. 6, Qāhirah: Dār al-Salām, h. 158.

apabila sesuatu yang datang itu merupakan suatu jisim atau jawhar. Apabila telah sabit bahawa Allah ‘Azza wa Jallā bukannya jisim dan bukan juga jawhar, tidak wajiblah kedatanganNya bersifat perpindahan. Tidakkah engkau memahami bahawa mereka tidak bermaksud daripada kata-kata mereka: “Demam panas telah datang kepada Zayd” bahawa (ia bermakna) demam panas itu telah berpindah kepadanya (Zayd) ataupun ia telah bergerak dari tempat lain yang dia berada padanya, kerana ia (demam panas itu) bukanlah jisim dan bukan juga jawhar. Sebenarnya kedatangan demam itu kepada Zayd adalah (berbentuk) kewujudan demam tersebut pada diri Zayd. Dan bahawasanya Allah ‘Azza wa Jallā turun ke langit dunia sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Nabi S.A.W, dan bukanlah turunnya Allah itu suatu bentuk perpindahan kerana Allah bukanlah jisim”.

Merujuk kepada penjelasan di atas, penyenaraian mazhab Imam Abū al-Hasan al-Ash‘arī sebagai aliran *Ahl al-Sunnah* yang tersendiri adalah sangat munasabah kerana ia sememangnya mempunyai sedikit perbezaan berbanding aliran *Tafwīd* dan aliran *Ta’wīl*. Menurut kitab *Mawāqif al-Marjān*, mazhab Imam Abū al-Hasan al-Ash‘arī itulah yang menjadi pegangan ulama *Khalaf al-Mutaqqaddimīn*, manakala mazhab *al-Mu’awwilah* pula menjadi pegangan ulama *Khalaf al-Muta’akhkirīn*.⁵⁷

ULASAN TERHADAP ALIRAN IMAM ABŪ AL-HASAN

Sepanjang kajian ini dilakukan, belum dijumpai sebuah kitab jawi pun yang menyatakan bahawa mazhab Imam Abū al-Hasan al-Ash‘arī adalah bertunjangkan kepada prinsip *Ithbāt* (*Tafwīd al-Kayfiyyah*) sebagaimana yang dipertegaskan oleh sebilangan ulama. Kitab *Mawāqif al-Marjān* sebaliknya telah menukilkan peringatan yang diberikan oleh Imam Ibn al-Jawzī (-597 H) supaya umat Islam mengambil sikap berhati-hati terhadap golongan yang memahami segala Sifat Allah yang *mutashābihāt* itu menurut pengertian *hissī* dan *zahir*, lalu mengithbātkan bahawa Allah S.W.T mempunyai rupa dan muka yang lebih atas ZatNya,

⁵⁷ Ismā‘īl b. ‘Umar al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 92. Menurut kitab *Mawāqif al-Marjān*, apa yang dimaksudkan dengan ulama *Khalaf al-Muta’akhkirīn* ialah para ulama selepas Imam al-Nawawī (767 H). *Ibid.*, h. 25.

mempunyai mata, mulut, gusi, gigi dan cahaya-cahaya mukaNya, mempunyai dua tangan, anak jari, tapak tangan, peha, dua betis dan dua kaki.⁵⁸

Kajian ini bagaimanapun turut menjumpai beberapa fakta dalam sebilangan kitab jawi yang pada zahirnya telah memberi perakuan kepada prinsip *Ithbāt bi lā Kayf* sebagai akidah *Salaf* yang muktabar. Kitab *Zahrat al-Murīd fī ‘Aqā’id al-Tawhīd* contohnya menjelaskan:⁵⁹

“Adapun atas mazhab al-Salaf maka berkata mereka itu bagi Allah tangan dan muka tetapi tiada kita ketahui akan hakikat keduanya dan tiada tangan itu seperti tangan makhluk dan tiada muka itu seperti muka makhluk. Maka diserahkan pekerjaannya dan hakikatnya kepada Allah Subhanahu wa Ta‘ala”

Kitab *al-Durr al-Thamīn* pula menjelaskan:⁶⁰

“Adapun mazhab Salaf itu adalah mereka itu tafwīd ilmunya itu kepada Allah. Dan wajib kita iktikadkan seperti barang yang ada pada zahir kataNya dan pada hakikatnya kita jauhkan segala kekurangan ... seperti kita kata “Allah di atas” tetapi tiada seperti di atas segala yang baharu dan “Allah bertangan” tiada seperti tangan yang baharu dan “Allah bermuka” tiada seperti segala muka yang baharu. Maka hakikatnya Ia yang mengetahui kehendaknya. Dan wajib atas kita tanzihkan menyerupa dengan yang baharu pada hakikatnya, maka tiada mengapa muafakat pada nama. Inilah mazhab Salaf r.h.”.

Frasa yang menyatakan “*dan wajib kita iktikadkan seperti barang yang ada pada zahir katanya ...*” pada zahirnya menggambarkan bahawa terdapat kitab jawi yang memberi perakuan kepada prinsip *al-Ithbāt bi lā Kayf*⁶¹ atau *al-Ithbāt ma‘a al-Tanzīh*⁶² (الإثبات مع التزكية) yang telah ditakrifkan sebagai:⁶³

⁵⁸ Ismā‘īl b. ‘Umar al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 72.

⁵⁹ Muhammad ‘Alī b. ‘Abd al-Rahmān b. ‘Abd al-Ghafūr Kūtan al-Kalantānī (1396), *Zahrat al-Murīd fī ‘Aqā’id al-Tawhīd*, c. 11, Paṭṭānī: Maṭba‘ah Ibn Ḥallābī, h. 10.

⁶⁰ Dāwud b. al-Shaykh ‘Abd Allāh al-Faṭānī (t.t), *op. cit.*, h. 45.

⁶¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2005), *op. cit.*, h. 82.

إِثَابَتُ مَعَانِي الصِّفَاتِ عَلَى حَقَائِقِهَا مَعَ تَنْزِيهِ اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَنْ مُشَابَهَتِهِ لِلْحَوَادِثِ.

"Menetapkan makna Sifat-sifat Allah (yang mutashābihāt) menurut pengertiannya yang hakiki beserta dengan mensucikan Allah Yang Maha Agung lagi Maha Tinggi daripada menyerupai semua makhluk ciptaanNya".

Penjelasan paling terperinci dalam kitab jawi berkenaan ayat الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى (الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى) adalah sebagaimana berikut:⁶⁴

"وَأَنَّهُ مُسْتَوٍ عَلَى الْعَرْشِ عَلَى الْوَجْهِ الَّذِي قَالَهُ وَبِالْمَعْنَى الَّذِي أَرَادَهُ اسْتِوَاءً مُنْزَهًا عَنِ الْمُمَاسَةِ وَالْاِسْتِفْرَارِ وَالْتَّمَكُّنِ وَالْحُلُولِ وَالْاِتِّفَالِ، لَا يَحْمِلُهُ الْعَرْشُ بِلِ الْعَرْشُ وَحْمَلَتْهُ حَمْمُولُونَ بِلْطَفِ قُدْرَتِهِ وَمَقْهُورُونَ فِي قَبْضَتِهِ، وَهُوَ فَوْقَ الْعَرْشِ وَالسَّمَاءِ وَفَوْقَ كُلِّ شَيْءٍ إِلَى خُنُوكِ الشَّرِّ، فَوْقِيَّةٌ لَا تَرِيدُهُ قُرْبًا إِلَى الْعَرْشِ وَالسَّمَاءِ، بَلْ هُوَ رَفِيعُ الدَّرَجَاتِ عَنِ الْعَرْشِ كَمَا أَنَّهُ رَفِيعُ الدَّرَجَاتِ عَنِ الشَّرِّ، وَهُوَ مَعَ ذَلِكَ قَرِيبٌ مِنْ كُلِّ مَوْجُودٍ، وَهُوَ أَقْرَبُ إِلَى الْعَبْدِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ، فَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، إِذْ لَا يُمَاثِلُ قُرْبَهُ قُرْبَ الْأَجْسَامِ كَمَا لَا يُمَاثِلُ ذَاتَ الْأَجْسَامِ، وَأَنَّهُ لَا يَحْلُّ فِي شَيْءٍ وَلَا يَحْلُّ فِيهِ شَيْءٌ، تَعَالَى عَنْ أَنْ يَحْوِيَ مَكَانًا كَمَا تَقَدَّسَ عَنْ أَنْ يَحْدُدَ زَمَانًا، بَلْ كَانَ قَبْلَ أَنْ يَحْلُقَ الزَّمَانَ وَالْمَكَانَ، وَهُوَ الْآنَ عَلَى مَا هُوَ عَلَيْهِ كَانَ ...".

Walaupun teks di atas telah diterjemahkan oleh al-Shaykh ‘Abd al-Šamad al-Palembānī bersesuaian dengan aliran *Khalaf* yang bertunjangkan kepada *ta’wil* iaitu: "Wajib kita iktikadkan bahawasanya

⁶² ‘Abd Allāh b. Husayn al-Mawjān (1427), *al-Radd al-Shāmil ‘alā ‘Umar Kāmil*. Jaddah: Markaz al-Kawn, h. 190.

⁶³ Muḥammad b. Surūr Sha‘bān (2010), *al-Qawā'id al-'Ilmiyyah fī al-'Aqīdah wa al-Manāhij wa al-Istdlāl min Durūs wa Kutub al-'Allāmah Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī*. Abū Dhābi: Dār al-Imām Mālik, h. 11.

⁶⁴ ‘Abd al-Šamad al-Falimbānī (t.t), *Siyar al-Sālikīn*. T. tp: Dār al-Fikr, h. 22-23.

Allah Ta‘ālā itu mempunyai perintah dan mempunyai kerajaan atas ‘arash atas jalan yang mengata Ia akan dia dan dengan makna yang menghendaki Ia akan dia, akan segala perintah yang Maha Suci daripada bersentuh dengan ‘arash dan Maha Suci Ia daripada tetap atasnya, Maha Suci daripada bertempat di dalamnya dan Maha Suci daripada mengambil tempat padanya dan Maha Suci daripada berpindah kepadanya . . .”, namun teks yang sama telah diterjemahkan oleh Profesor Tengku Haji Ismail Yaakub dengan maksudnya yang asal iaitu sebagaimana berikut:⁶⁵

“Dia beristiwa’ di atas ‘arash menurut firmanNya dan menurut erti yang dikehendakiNya, istiwa’ yang suci daripada tersentuh dengan sesuatu, suci (dari) tetap dan tenang, suci dari mengambil tempat dan berpindah. “Dia tidak dibawa (ditanggung) oleh ‘arash tetapi ‘arash dan pembawa-pembawa ‘araslah yang dibawa (dipelihara) dengan kalimah lembutan qudratNya, yang digagahi dalam genggamanNya. Dia di atas ‘arash dan langit dan di atas segala-galanya sampai ke segala lapisan bumi, ke atas yang tidak menambahkan dekatNya kepada ‘arash dan langit sebagaimana tidak menambahkan jauhNya dari bumi dan lapisan tanah. Tetapi Dia di tingkat yang Maha Tinggi dari ‘arash dan langit, sebagaimana Dia di tingkat yang Maha Tinggi dari bumi dan lapisan tanah. Dan pada itu, Dia dekat sekali dengan segala yang mawjud (makhluk ciptaanNya). Dan Maha Dekat kepada hambaNya, lebih dekat dari urat leher hambaNya sendiri. Dia menyaksikan tiap-tiap sesuatu. Tidak menyerupai kehampiranNya dengan kehampiran di antara tubuh-tubuh, sebagaimana tidak menyerupai ZatNya dengan segala zat tubuh-tubuh itu. Dia tidak bertempat pada sesuatu dan tidak ada sesuatu bertempat padaNya. Maha Suci Ia dari dipengaruhi oleh tempat, sebagaimana Ia Maha Suci daripada dibataskan oleh waktu. Tetapi adalah Dia sebelum dijadikan zaman dan tempat. Dia sekarang menurut apa yang Dia ada . . .”.

⁶⁵ Abū Ḥamīd Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (1991), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn Siri 2: Kaedah ‘Iktikad – Rahsia Zakat*, trj. Tengku Hj. Ismail Ya‘qub, c. 3, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. 3-4.

Jelasnya, terjemahan yang diberikan oleh Profesor Tengku Hj. Ismail Yaakub adalah lebih bertepatan dengan kehendak asal teks di atas. Menghuraikan maksud frasa (وَبِالْمَعْنَى الَّذِي أَرَادَهُ) yang dimaksudkan oleh Imam al-Ghazali di atas, al-‘Allāmah Murtadā al-Zabīdī (-1205 H) menjelaskan:⁶⁶

(وَبِالْمَعْنَى الَّذِي أَرَادَهُ : إِمَّا يَلِيقُ بِهِ هُوَ سُبْحَانَهُ أَعْلَمُ بِهِ كَمَا جَرَى
عَلَيْهِ السَّلَفُ فِي الْمُتَشَابِهِ مِنَ التَّنْزِيهِ عَمَّا لَا يَلِيقُ بِجَلَالِ اللَّهِ تَعَالَى مَعَ
تَقْوِيْضِ عَلِمٍ مَعْنَاهُ إِلَيْهِ ...)

“Dan dengan pengertian yang dikehendaki oleh Allah: (iaitu) dengan pengertian yang layak bagiNya, Dia (lah Allah) Yang Maha Suci lebih mengetahui tentang pengertiannya (*istiwa*) sebagaimana yang telah berlalu di atasnya oleh para ulama Salaf berkenaan perkara mutashabih dengan mensucikan (Allah S.W.T) daripada (pengertian zahirnya) yang tidak layak bagi kebesaran Allah Ta‘ālā beserta dengan menyerahkan pengetahuan tentang pengertiannya (yang dikehendaki) kepada Allah juga . . .”

Merujuk kepada penjelasan Imam al-Zabīdī dan juga kepada *manhaj* Imam Abu al-Hasan al-Ash‘arī di atas, timbul satu persoalan berkenaan sejauhmanakah huraian yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali di atas boleh dianggap sebagai *manhaj Tafwīd* yang menghampiri prinsip *Ithbāt* (الْتَّقْوِيْضُ الْقَرِيبُ مِنِ الْإِثْبَاتِ) sebagaimana yang diistilahkan oleh Prof. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī?⁶⁷

Apa yang pasti, semua pernyataan di atas tidak boleh difahami dengan maksud bahawa Allah S.W.T mempunyai beberapa sifat yang menyerupai sifat makhluk kerana dalam berinteraksi dengan sesuatu nas *mutashābihāt*, semua ulama muktabar berpegang kepada firman Allah S.W.T:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ
(Surah al-Shura 42: 11)

⁶⁶ Al-Sayyid Muhammad b. Muhammad al-Husaynī al-Zabīdī (t.t), *op. cit.*, h. 25.

⁶⁷ Sila lihat huraian mengenainya di dalam: Yūsuf al-Qaraḍāwī (2005), *op. cit.*, h. 72-83.

“Tiada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”⁶⁸.

Justeru, dalam berinteraksi dengan ayat *mutashābihāt* yang menjelaskan bahawa Allah S.W.T beristiwā’ di atas ‘arash, kitab jawi menegaskan bahawa Allah S.W.T wujud tanpa bertempat dan tidak dilalui oleh masa.⁶⁹ Pada pandangan penulis, pemakaian *Tafwīd al-Ma’nā* berkaitan konsep *istiwā’* sudah pun terkandung dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī (-256 H) sebagaimana berikut:⁷⁰

وَقَالَ ضَمْرَةُ بْنُ رَبِيعَةَ عَنْ صَدَقَةَ، سَمِعْتُ سُلَيْمَانَ التَّسِيمِيَّ يَقُولُ: (لَوْ سُئِلْتُ أَيْنَ اللَّهُ؟ لَقُلْتُ فِي السَّمَاءِ، فَإِنْ قَالَ فَأَيْنَ كَانَ عَرْشُهُ قَبْلَ السَّمَاءِ، لَقُلْتُ عَلَى الْمَاءِ، فَإِنْ قَالَ: فَأَيْنَ كَانَ عَرْشُهُ قَبْلَ الْمَاءِ؟ لَقُلْتُ: لَا أَعْلَمُ. قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ، وَذَلِكَ لِقَوْلِهِ تَعَالَى: {وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ – (البقرة: 255)} يَعْنِي إِلَّا بِمَا بَيَّنَ.

“Dan berkata Damurah b. Rabī‘ah daripada Ṣadaqah (dia berkata): Saya telah mendengar Sulaymān al-Taymī berkata: “Sekiranya saya ditanya: Di manakah Allah? tentu saya akan menjawab: “Di langit (iaitu di atas ‘arash)”. Sekiranya dia bertanya (lagi): “Di manakah ‘arashNya sebelum (penciptaan) langit?”, nescaya saya akan menjawab: “Di atas air”. Sekiranya dia bertanya (lagi): “Di manakah ‘arashNya sebelum (penciptaan) air?”, nescaya saya akan menjawab: “Saya tidak tahu”. Berkata Abū ‘Abd Allāh (Imam al-Bukhārī): (Jawapan) itu adalah berdasarkan firman Allah S.W.T (yang bermaksud): “Sedang mereka tidak menggetahui sesuatu pun dari ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki” iaitu kecuali menurut apa yang telah diterangkan (oleh Allah S.W.T)”.”

⁶⁸ Abdullah Basmeih (t.t), *op. cit.*, h. 1285.

⁶⁹ Sebagai contoh, sila lihat: Dāwud b. ‘Abd Allāh al-Faṭānī (t.t), *al-Jawāhir al-Saniyyah fī Sharḥ ‘Aqā’id al-Dīniyyah wa Ahkām al-Fiqh al-Mardiyah wa Ṭarīq al-Sulūk al-Muhammadiyah*. Patṭānī: Maṭba‘at Ibn Hallābī, h. 6-7.

⁷⁰ Muhammad b. Ismā‘il al-Bukhārī, “*Khalq Af’al al-‘Ibād*” di dalam ‘Ali Sāmī al-Nashshār dan ‘Ammār Jam’ī al-Ṭālibī (tq.) (2007), ‘Aqā’id al-Salaf. Qāhirah: Dār al-Salām, h. 96.

Penegasan bahawa Allah S.W.T wujud tanpa bertempat bukan sahaja terkandung dalam kitab jawi, bahkan turut terkandung dalam karya sebilangan sarjana Islam yang memperjuangkan *manhaj al-Ithbāt bi lā Kayf* sebagaimana penjelasan berikut:⁷¹

سُؤالٌ: مَا مَعْنَى أَنَّ اللَّهَ فِي السَّمَاءِ؟ جَوَابٌ: السَّمَاءُ لَهَا مَعَانٍ فِي
اللُّغَةِ؛ وَمِنْ هَذِهِ الْمَعَانِي: السَّمَاءُ الدُّنْيَا، وَالثَّانِيَةُ، وَالثَّالِثَةُ، إِلَى آخِرِهِ،
وَمِنْ هَذِهِ الْمَعَانِي: الْعُلُوُّ الْمُطْلُقُ، فَالسَّمَاءُ الْأُولَى، وَالثَّانِيَةُ، ... هَذِهِ
أَجْرَامٌ مَخْلُوقَةٌ، فَإِذَا قُلْنَا: اللَّهُ فِي السَّمَاءِ، مَعْنَاهُ: قَدَرْنَاهُ فِي مَكَانٍ،
وَنَحْنُ نُنَزِّهُ اللَّهَ عَنِ الْمَكَانِ؛ فَوَجَبَ تَفْسِيرُ السَّمَاءِ بِالْعُلُوِّ الْمُطْلُقِ؛
يَعْنِي: فَوْقَ الْمَخْلُوقَاتِ كُلِّهَا حَيْثُ لَا مَكَانٌ بِهِذِهِ الطَّرِيقَةِ، وَهَذِهِ
عَقِيْدَةُ السَّلَفِ. (الألباني)

“Soalan: “Apakah pengertian bahawa Allah di (atas) langit?”. Jawapan: “Langit itu mempunyai beberapa pengertian menurut penggunaan bahasa. Antara pengertiannya ialah langit yang terdekat (pertama), kedua, ketiga dan seterusnya. Antara pengertiannya lagi ialah ketinggian yang bersifat mutlak. Maka langit pertama dan kedua ... ini semua adalah jirim-jirim yang telah diciptakan (oleh Allah S.W.T). Maka apabila kita mengatakan: “Allah di (atas) langit”, maka pengertiannya (yang zahir) ialah kita menetapkanNya berada di suatu tempat, padahal kita (sebenarnya) mensucikan Allah daripada (bertempat di) tempat yang tertentu. Maka wajiblah mentafsirkan (pengertian) langit itu dengan (maksud) ketinggian yang mutlak, iaitu di atas segala makhluk kesemuanya sekali, di mana tiada sebarang tempat (bagi Allah S.W.T dalam berpegang) dengan manhaj ini. Dan ini akidah Salaf”. (al-Albānī⁷²)

⁷¹ Muhammad b. Ḥamīd b. ‘Abd al-Wahhāb (2003), *Masā’il fī al-‘Aqīdah*. Kaherah: Maktab Ibād al-Rahmān. h. 8-9.

⁷² Gelaran “al-Albānī” adalah merujuk kepada *al-Shaykh Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī* sebagaimana yang dijelaskan oleh penulis kitab *Masā’il fī al-‘Aqīdah* itu sendiri.

Bertepatan dengan *manhaj Tafwīd al-Ma'na*, kitab *Risālat Manhaj Ahl al-Sunnah* menegaskan bahawa walaupun Allah S.W.T sememangnya telah berfirman (الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى) tetapi bukan dengan makna Dia duduk (bertempat) di atas 'arash. Walaupun *istiwā'* itu betul dan wajib beriman dengannya, tetapi buang dahulu makna yang mustahil itu dan selepas itu barulah diserahkan hakikatnya kepada Allah.⁷³

PENUTUP

Dalam berinteraksi dengan ayat-ayat dan hadis-hadis *mutashābihāt*, walaupun kebanyakan kitab jawi Nusantara hanya membahagikan *manhaj Ahl al-Sunnah* kepada aliran *Tafwīd al-Ma'na* dan aliran *Ta'wil* sahaja, namun terdapat juga kitab jawi yang telah membahagikan *manhaj Ahl al-Sunnah* kepada empat aliran yang muktabar iaitu termasuk aliran Imam Abū al-Hasan al-Ash'arī (-324 H) dan aliran pertengahan di antara *Tafwid* dan *Ta'wil* (*mazhab al-Mutawassitīn*) yang dipelopori oleh Imam Ibn Daqiq al-'Id (-702 H).

Selain daripada empat aliran di atas, terdapat pula beberapa buah kitab jawi yang pada zahirnya memberi perakuan kepada aliran *al-Ithbāt bi lā Kayf* iaitu aliran yang menerima pakai pengertian zahir ayat-ayat *mutashābihāt* beserta dengan mentanzīhkan Allah S.W.T daripada segala sifat yang mustahil seperti bertempat, beranggota dan seumpamanya sebagai aliran *Ahl al-Sunnah* yang kelima dengan syarat ia hendaklah difahami dengan betul sebagaimana yang dijelaskan oleh para ulama *mujtahidīn* dan sarjana Islam yang berautoriti.

Jelasnya, perbezaan *manhaj* para ulama muktabar dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt* adalah termasuk dalam kategori *Furū' al-'Aqīdah* (cabang akidah) dan bukannya berkaitan *Usūl al-'Aqīdah* (tunjang akidah). Justeru itu, tiada mana-mana pihak yang boleh dianggap sebagai golongan ahli bid'ah ataupun terkeluar daripada akidah Islam apabila mereka berpegang kepada salah satu daripada lima aliran akidah *Ahl al-Sunnah* sebagaimana yang dihuraikan oleh para ulama muktabar, di mana kesemuanya adalah bertunjangkan kepada ayat *muhkamāt* dalam surah al-Shura ayat 11: (لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ)

⁷³ Hj. Abd al-Qadir b. Wangah (t.t), *op. cit.*, h. 12. Pernyataan ini didapati bertepatan dengan penjelasan kitab *Manāhil al-'Irfān* di dalam: Muhammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1998), *op. cit.*, h. 543.

yang menegaskan bahwa tiada suatu makhluk pun yang menyerupai Allah S.W.T sama ada pada ZatNya mahupun pada *Sifat* dan *Af'aI*Nya.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Ghanī Yaḥya dan ‘Umar Yūsuf (t.t), *Risālah al-Tawhīd* (*Pindaan*). Paṭṭanī: Maṭba‘ah Ibn Hallābī.
- ‘Abd al-Qadir b. Wangah b. ‘Abd al-Latif b. ‘Uthman (t.t), *Risālat Manhaj Ahl al-Sunnah*. Pattani: Percetakan Saudara Press.
- ‘Abd al-Salām Māzin Abū Khalaf (2012), *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah ‘Ind Sultān al-‘Ulamā’ al-‘Izz ibn ‘Abd al-Salām*. ‘Ammān: Dār al-Nūr al-Mubīn li al-Dirasāt wa al-Nashr.
- Abdullah Basmeih (t.t), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dar al-Kitab Malaysia.
- Al-‘Ajāmī, Abū al-Yazīd Abū Zayd (2008), *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah ‘Ind al-Fuqahā’ al-Arba‘ah*, c. 2, Qāhirah: Dār al-Salām.
- Al-Ashqar, ‘Umar Sulaymān (2008), *al-‘Aqīdah fī Allāh*. ‘Ammān: Dār al-Nafā’is.
- Al-‘Asrī, Sayf b. ‘Alī (2010), *al-Qawl al-Tamām bi Ithbāt al-Tafwīd Mazhabān li al-Salaf al-Kirām*, c. 2, ‘Ammān: Dār al-Fath li al-Dirāsat wa al-Nashr.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr b. al-Husayn b. ‘Alī (t.t), *al-Asmā’ wa al-Ṣifāt*, tq. Fu’ād b. Sirāj ‘Abd al-Ghaffār. Qāhirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Bayjurī, Ibrāhīm (2012), *Tuhfat al-Murid ‘alā Jawharat al-Tawhīd*, tq. Prof. Dr. ‘Alī Jumu‘ah, c. 6, Qāhirah: Dār al-Salām.
- Al-Fatani, Dāwud b. ‘Abd Allāh (t.t), *al-Jawāhir al-Saniyyah fī Sharḥ ‘Aqā’id al-Dīniyyah wa Aḥkām al-Fiqh al-Mardiyyah wa Ṭarīq al-Sulūk al-Muhammadiyyah*. Paṭṭanī: Maṭba‘at Ibn Hallābī.

Al-Faṭānī, Zayn al-‘Ābidīn b. Muḥammad (t.t), ‘Aqīdah al-Nājin fī ‘Ilm Uṣūl al-Dīn. Paṭṭānī: Maṭba‘at Ibn Ḥallābī.

Al-Falimbānī, ‘Abd al-Šamad (t.t), *Siyar al-Sālikīn*. T. tp: Dār al-Fikr.

Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad b. Muḥammad al- (1991), *Ihyā’ Ulūm al-Dīn Siri 2: Kaedah Iktikad – Rahsia Zakat* Prtj. Prof. Tengku Hj. Ismail Ya‘qub, c. 3, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Al-Ghazālī, Muḥammad b. Muḥammad (1988), *al-Arba‘īn fī Uṣūl al-Dīn*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Ghazālī, Muḥammad b. Muḥammad (2014), *al-Iqtisād fī al-I‘tiqād*, tq. Salah al-Dīn al-Hawarī. Qāhirah: Dār al-Imām al-Shāfi‘ī.

Al-Għunaymī, ‘Abd al-Għanī al-Maydānī al-Hanafī al-Dimashqī (2009), *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Tahāwiyyah al-Musammah Bayān al-Sunnah wa al-Jāma‘ah*, ed. Kāmil Aḥmad Kāmil al-Husaynī. Qāhirah: Dār al-Baṣā’ir.

Al-Hawālī, Safar b. ‘Abd al-Rahmān (1430 H), *Uṣūl al-Firaq wa al-Adyān wa al-Mazāhib al-Fikriyyah*. Makkah al-Mukarramah: Dār Taybah al-Khaḍrā’.

Al-Laqqānī, Ibrāhīm (t.t), *Sharah Bagi Matan Jawharah al-Tawhid*, trj. seorang ulama Jawi, Paṭṭānī: Mattba‘ah B. Hallabi.

Al-Nashshār, ‘Ali Sāmī dan ‘Ammar Jam‘ī al-Ṭālibī (2007), ‘Aqā’id al-Salaf. Qāhirah: Dār al-Salām.

Al-Naysābūrī, Muslim b. Ḥajjāj (2005), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.

Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (2005), *Fuṣūl fī al-‘Aqīdah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf*. Qāhirah: Maktabat Wahbah.

Al-Qurṭubī, Muḥammad b. Aḥmad (1996), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*, c. 6, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Ṭabarī, Muḥammad b. Jarīr (1992), *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al- Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad b. ‘Isā b. Sūrah b. Mūsā (1999), *Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Al-Zabidī, al-Sayyid Muḥammad b. Muḥammad al-Husaynī (t.t), *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. T.tp: Dār al-Fikr.

Al-Zarkashī, al-Imām Badr al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd Allāh (1994), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, tq. Dr. Yūsuf ‘Abd al-Rahmān al-Mar‘ashlī, et al., c. 2, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.

Al-Zarqānī, Muḥammad ‘Abd al-‘Ażīm (1998), *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, c. 2, Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Ibn Abī al-‘Izz, ‘Alī b. Muḥammad al-Hanafī (2014), *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Tahāwiyyah*, tq. Jama‘ah min al-‘Ulamā’. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.

Ibn al-‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad b. ‘Abd Allāh (1990), *Qānūn al-Ta’wīl*, tq. Muḥammad al-Sulaymānī, c. 2, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Ibn Kathīr, Ismā‘īl (1994), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīm*, ed. ‘Abd al-Qadir al-Arnā’ūt. Dimashq: Dār al-Fayhā’.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad b. Abī Bakr (2004), *Mukhtaṣar al-Sawā‘iq al-Mursalah ‘alā al-Jahmiyyah wa al-Mu‘attilah*, tq. Sayyid ‘Imrān. Qāhirah: Dār al-Hadīth.

Ibn Taymiyyah, Aḥmad b. ‘Abd al-Ḥalīm (2012), *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Wasiṭiyah*, tq. Abū ‘Abd al-Rahmān Tal‘at b. Aḥmad Al ‘Arfah. Qāhirah: Maktabat Miṣr.

Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Dīn Aḥmad b. ‘Abd al-Ḥalīm (2000), *Majmū‘ah al-Rasā‘il wa al-Masā‘il*, tq. Muḥammad Rāshid Ridā, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ismā‘īl b. ‘Umar b. ‘Abd al-Latīf al-Faṭānī (t.t), *Mawāqif al-Marjān bi Sharḥ Mawā‘iz al-Īmān fī Tarjamah Ba‘d Manāhil al-‘Irfān*. Paṭṭānī: Dār al-Muhājirīn.

Manhaj Ahl Al-Sunnah dalam Berinteraksi dengan Ayat Mutashābihāt Menurut Kitab Jawi: Suatu Penilaian

Mawjān, ‘Abd Allāh b. Husayn (1427), *al-Radd al-Shāmil ‘alā ‘Umar Kāmil*. Jaddah: Markaz al-Kawn.

Muhammad ‘Alī b. ‘Abd al-Rahmān b. ‘Abd al-Ghafūr Kūtan al-Kalantānī (1396), *Zahrat al-Murīd fī ‘Aqā’id al-Tawhīd*, c. 11, Paṭṭānī: Maṭba‘at Ibn Hallābī.

Muhammad b. Ḥamīd b. ‘Abd al-Wahhāb (2003), *Masā’il fī al-‘Aqīdah*. Kaherah: Maktab Ibād al-Rahmān

Muhammad b. Surūr Sha‘bān (2010), *al-Qawā’id al-‘Ilmiyyah fī al-‘Aqīdah wa al-Manāhij wa al-Istidlāl min Duriūs wa Kutub al-‘Allāmah Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī*. Abū Dhabī: Dār al-Imām Mālik.

Othman b. Hj. Khalid et al. (2006), *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka.

Sayyid Sa‘īd ‘Abd al-Ghanī (2001), *al-‘Aqīdah al-Ṣafīyyah li al-Firqah al-Nājiyah*, c. 6, Makkah al-Mukarramah: Dār Ṭaybah al-Khaḍrā’.